



PANDUAN PERMOHONAN DAN
PELAKSANAAN PROGRAM SISTEM LATIHAN
DUAL NASIONAL PLUS
(SLDN PLUS)

1 FEBRUARI 2021

JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA MALAYSIA

KANDUNGAN

KANDUNGAN	MUKASURAT
1.0 TUJUAN	3
2.0 PENGENALAN	3
3.0 SYARAT PERMOHONAN	3
3.1 Pusat Bertauliah SLDN (PB SLDN)	3
3.2 Permohonan SLDN Plus	3
3.3 Kriteria Perantis	4
4.0 KEPUTUSAN PERMOHONAN	4
5.0 PELAKSANAAN LATIHAN	4
5.1 Pendaftaran Perantis	4 - 5
5.2 Pembayaran Insentif	5
6.0 PERSIJILAN	6
7.0 PERUNTUKAN AM	6
8.0 TARIKH KUATKUASA	6
Lampiran 1: Carta Alir	7

1.0 TUJUAN

Panduan ini bertujuan untuk memberi penerangan tentang prosedur permohonan pelaksanaan program Sistem Latihan Dual Nasional Plus (SLDN Plus). Panduan ini hendaklah dibaca bersama panduan - panduan SLDN berkaitan yang sedang berkuatkuasa.

2.0 PENGENALAN

Program SLDN Plus merupakan inisiatif Kerajaan untuk menggalakkan lebih banyak penglibatan industri melaksanakan program berteraskan TVET. Sebagaimana yang telah diumumkan oleh YB Senator Tengku Dato' Sri Zafrul Bin Tengku Abdul Aziz, Menteri Kewangan semasa perbentangan Belanjawan 2021 pada 6 November 2020, sebanyak RM60 juta telah diperuntukan sebagai inisiatif berupa bantuan kewangan untuk melatih seramai 10,000 perantis menjelang Disember 2021. Inisiatif ini terbuka kepada semua Pusat Bertauliah (PB) yang menjalankan program SLDN.

3.0 SYARAT PERMOHONAN

Berikut merupakan syarat permohonan bagi melaksanakan program SLDN Plus.

3.1 Pusat Bertauliah SLDN (PB SLDN)

PB SLDN merupakan Pusat Latihan (PL), Syarikat *Inhouse* (SI) atau Syarikat yang telah ditauliahkan untuk menjalankan program SLDN.

3.2 Permohonan SLDN Plus

- i. Permohonan SLDN Plus perlu dimohon oleh PL atau SI yang telah mendapat kelulusan pentauliahkan program.
- ii. Permohonan boleh dibuat berdasarkan kepada iklan yang dikeluarkan melalui sistem MySPIKE dan portal Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK).
- iii. PL atau SI perlu mengemukakan permohonan kepada JPK secara dalam talian melalui sistem MySPIKE. Manual pengguna MySPIKE bagi permohonan program SLDN Plus seperti di Lampiran 2.
- iv. Permohonan akan diputuskan melalui Panel Pemilihan Program SLDN Berinsentif.
- v. Carta Alir Permohonan Program SLDN Plus adalah seperti Lampiran 1.

3.3 Kriteria Perantis

Kriteria perantis adalah terdiri daripada bakal pekerja atau pekerja sedia ada yang memenuhi kriteria berikut:

- i. Warganegara Malaysia;
- ii. Berumur sekurang-kurangnya 16 tahun semasa pendaftaran (kiraan umur berdasarkan kepada tahun lahir); dan
- iii. Sekurang-kurangnya boleh menulis dan bertutur dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris;

4.0 KEPUTUSAN PERMOHONAN

Semua permohonan yang diterima akan diproses seperti berikut :

- i. Keputusan permohonan boleh disemak melalui sistem MySPIKE dan Surat Tawaran (ST) serta Surat Setuju Terima (SST) akan dihantar kepada PB yang berjaya.
- ii. Keputusan Panel Pemilihan Program SLDN Berinsentif adalah muktamad dan sebarang rayuan tidak akan dipertimbangkan. Walau bagaimanapun, PB boleh mengemukakan permohonan baharu jika masih berminat.

5.0 PELAKSANAAN LATIHAN

PB SLDN yang diluluskan hendaklah memastikan latihan dilaksanakan merujuk kepada panduan berkaitan yang sedang berkuatkuasa.

5.1 Pendaftaran Perantis

PB SLDN yang berjaya ditawarkan menjalankan Program SLDN Plus boleh mendaftar perantis berdasarkan *first come first serve* dan tertakluk kepada baki peruntukan SLDN Plus merujuk kepada syarat berikut:

- i. Kuota yang diluluskan;
Perantis boleh berdaftar maksimum dua (2) kali penyertaan sahaja tertakluk kepada maksima 8 bulan tempoh latihan;
- ii. Tempoh latihan
 - a. Antara dua (2) bulan hingga lapan (8) bulan dan perlu diselesaikan dalam tahun 2021.
 - b. Tarikh tamat latihan hendaklah selewat-lewatnya pada **30**

November 2021.

- iii. Kategori program adalah secara persijilan modular atau program persijilan penuh berdasarkan Surat Tawaran (ST) yang telah dipersetujui.
- iv. PL hendaklah bekerjasama dengan syarikat yang telah ditauliahkan.
- v. Pendaftaran perantis hendaklah dibuat dalam tempoh 30 hari dari tarikh mula latihan. Kegagalan mendaftarkan perantis dalam tempoh yang ditetapkan akan menyebabkan kursus yang dimohon akan terbatal.

5.2 Pembayaran Insentif

- i. PL atau SI akan diberikan insentif kewangan berjumlah **Ringgit Malaysia Satu Ribu (RM1000) setiap bulan** bagi setiap perantis sehingga tamat tempoh latihan dengan merujuk kepada pecahan kadar seperti berikut:
 - a. Insentif bulanan perantis – **RM500**;
 - b. Insentif bulanan Pusat Latihan / Syarikat Inhouse – **RM300** bagi setiap perantis yang dilatih; dan
 - c. Insentif bulanan Syarikat – **RM200** bagi setiap perantis yang dilatih.
- ii. Kaedah pembayaran
 - a. Pembayaran insentif perantis, PL dan SI akan terus dibayar ke akaun PL atau SI. Bagi insentif kepada perantis dan syarikat akan diagihkan oleh PL kepada perantis dan syarikat.
 - b. Kaedah pembayaran adalah merujuk kepada jadual berikut.

TEMPOH LATIHAN	PEMBAYARAN	DOKUMEN SOKONGAN
2-3 bulan	Selepas tamat latihan	Surat Tawaran & Surat Setuju Terima
4 / 6 / 8 bulan	Setiap 2 bulan	i. Surat Tawaran & Surat Setuju Terima - pembayaran pertama
5 / 7 bulan	Setiap 2 bulan & tamat latihan	ii. Kontrak – pembayaran kedua (kecuali PB SLDN Awam)

6.0 PERSIJILAN

Perantis yang terampil akan dianugerahkan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM)

pada tahap berkenaan atau Penyata Pencapaian (PC).

7.0 PERUNTUKAN AM

JPK berhak untuk menangguhkan, menamatkan, membatalkan atau menarik balik kelulusan program pada bila-bila masa sekiranya terdapat keperluan berbuat demikian atau berlaku sebarang pelanggaran terma dan syarat yang ditetapkan.

8.0 TARIKH KUATKUASA

Panduan ini berkuatkuasa mulai pada 1 Februari 2021.

CARTA ALIR PERMOHONAN PROGRAM SLDN PLUS

